





LALUAN KERJAYA SKIM PERKHIDMATAN KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM (KP)

PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA



PERANAN PEJABAT KPKK SEBAGAI KETUA PERKHIDMATAN





PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2010




Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2010 telah memutuskan bahawa Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (KPKK) dilantik sebagai Ketua Perkhidmatan bagi skim **Pegawai Keselamatan, Penolong Pegawai Keselamatan, Pembantu Keselamatan dan Pengawal Keselamatan.**

Penetapan Pejabat (KPKK) selaku Ketua Perkhidmatan ini merupakan salah satu langkah Kerajaan untuk menambahbaik peluang kemajuan kerjaya dan mobiliti pegawai disamping melengkapkan pengetahuan serta kemahiran yang relevan dengan kepelbagaian persekitaran dan keperluan perkhidmatan.

PERANAN KETUA PERKHIDMATAN DAN KETUA JABATAN

URUSAN	PERANAN	PERATURAN
Pelantikan Rasmi	Ketua Jabatan	Mengenalpasti kekosongan dan mengemukakan permohonan pengisian jawatan kepada Ketua Perkhidmatan.
	Ketua Perkhidmatan	Memperakukan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk mengadakan urusan pengambilan.
Pengesahan Dalam Jawatan; Perlanjutan Tempoh Percubaan; Dan Pemberian Taraf Berpencen	Ketua Jabatan	Kementerian/Jabatan akan memperakukan terus kepada SPA untuk kelulusan dan memajukan satu salinan kepada Bahagian Perkhidmatan, JPA.
Urusan Penempatan/ Pertukaran	Ketua Perkhidmatan	Menguruskan penempatan/pertukaran pegawai.
Cuti Tanpa Gaji - Mengikut Pasangan/ Berkursus Dalam atau Luar Negeri	Ketua Jabatan	Ketua Setiausaha boleh meluluskan permohonan ini dengan memaklumkan keputusan berkenaan kepada Ketua Perkhidmatan.
Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat	Ketua Perkhidmatan	Mengenalpasti kekosongan jawatan kenaikan pangkat dan menguruskan pemangkuan dan kenaikan pangkat pegawai.

PROSEDUR DAN TATACARA PERTUKARAN



PERKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 2004


PANDUAN PERTUKARAN PEGAWAI AWAM

“PERTUKARAN”

perpindahan seseorang pegawai yang diluluskan oleh Ketua Jabatan atau pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan ke suatu jawatan dalam perkhidmatan, skim perkhidmatan dan gred yang sama, sama ada di organisasi yang sama atau berlainan. Urusan ini tidak termasuk penempatan seseorang pegawai yang baru dilantik, memangku, dinaikkan pangkat, ditukar sementara ataupun dipinjamkan;

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2004 perenggan 4 menyatakan bahawa pertukaran dan pusingan tugas hendaklah dilakukan bagi mencegah sebarang kemungkinan berlakunya penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan rasuah, menambahkan pengalaman serta memperluaskan jaringan kenalan (*networking*) pegawai atau pegawai KADER serta bagi membendung rasa bosan kerana bertugas di satu tempat dengan menjalankan tugas yang sama dalam tempoh yang panjang

PROSES PERMOHONAN PERTUKARAN DARIPADA PEGAWAI KADER PEJABAT KPKK



DASAR PERTUKARAN DAN PUSINGAN KERJA

dasar pertukaran dan pelaksanaan pusingan kerja yang digunakan dalam mempertimbangkan pertukaran dan penempatan pegawai serta pegawai kader adalah dengan mengambil kira perkara-perkara berikut

▶ TEMPOH PERKHIDMATAN

▶ KATEGORI JAWATAN (JAWATAN SENSITIF /JAWATAN BUKAN SENSITIF)


▶ ARAHAN KETUA JABATAN

▶ KEPENTINGAN PERKHIDMATAN

▶ PERMOHONAN SENDIRI

▶ PERMASALAHAN DAN KEBAJIKAN PEGAWAI/PEGAWAI KADER

▶ KEKOSONGAN SEDIA ADA DAN KRITIKAL



Pertukaran Yang Dilarang

Pegawai berprestasi rendah atau yang mempunyai masalah tata tertib **tidak boleh ditukar** sehingga masalah tersebut **diselesaikan**, kecuali pertukaran itu merupakan sebahagian daripada langkah pemulihan atau proses tindakan tata tertib ke atas pegawai berkenaan selaras dengan pematuhan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 tahun 2004

TAKLIMAT LALUAN KERJAYA SKIM PERKHIDMATAN KESELAMATAN KP

1 - PENGENALAN KEPADA LALUAN KERJAYA SKIM PERKHIDMATAN KESELAMATAN (KP)

2 - KENAIKAN PANGKAT DAN PEMANGKUAN

3 - KENAIKAN PANGKAT SECARA TBBK BAGI PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA

4 - AKUAN BERSUMPAH BEBAS JENAYAH

5 - ISU-ISU BERBANGKIT - URUSAN PELAKSANAAN PEMANGKUAN DAN KENAIKAN PANGKAT

6 - SESI SOAL JAWAB

LALUAN KERJAYA SKIM KESELAMATAN KP SEDIA ADA

PEGAWAI KESELAMATAN

KP41

KP44

KP48

KP52

KP54

JUSA C

PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN

KP29

KP32

KP38

KP40

PEMBANTU KESELAMATAN

KP19

KP22

KP26

KP28

KP11

KP14

KP16

KP18

PENGAWAL KESELAMATAN

**RASIONALISASI SKIM
PERKHIDMATAN MELALUI
PELAKSANAAN PEKELILING
PERKHIDMATAN BILANGAN 1
TAHUN 2016**



DAFTAR	BID	2015	2016
JAN	€ 241,00	€ 558,00	€ 374,00
FEB	€ 955,00	€ 348,00	€ 930,00
MAR	€ 116,00	€ 415,00	€ 107,00
APR	€ 262,00	€ 890,00	€ 801,00
MAY	€ 839,00	€ 146,00	€ 691,00
JUN	€ 706,00	€ 579,00	€ 933,00
JUL	€ 622,00	€ 870,00	€ 934,00
AUG	€ 557,00	€ 775,00	€ 42,00
SEP	€ 50,00	€ 300,00	€ 3,00
OKT	€ 817,00	€ 518,00	€ 2,00
NOV	€ 173,00	€ 3,00	€ 2,00
DES	€ 608,00	€ 3,00	€ 2,00

RASIONALISASI SKIM PERKHIDMATAN



1

Penyeragaman
Gred Lantikan

2

Tambahan
Lapisan Gred
Kenaikan Pangkat

3

Peluasan Pemakaian
Sijil Kemahiran
Malaysia

4

Pindaan Perbekalan
Skim Perkhidmatan

5

Pemindahan Kelayakan
Sijil Politeknik/setaraf
STPM kepada skim
perkhidmatan
berkelayakan
STPM/Diploma

6

Penjumudan dan
Pemansuhan Skim
Perkhidmatan


1

PENYERAGAMAN GRED LANTIKAN



SEDIA ADA

BAHARU



*Catatan: Gred 1 hingga Gred 9 telah ditukar lantik ke Gred 11 pada 1 November 2013 manakala Gred 41 dikekalkan kerana telah seragam.


2

TAMBAHAN LAPISAN GRED KENAIKAN PANGKAT



LAPISAN
SEDIA ADA

LAPISAN
BAHARU



2

TAMBAHAN LAPISAN GRED KENAIKAN PANGKAT BAGI 3 KATEGORI KELAYAKAN



①

PMR

TAMBAH LAPISAN

GED 16 & 18

SEDIA ADA **BAHARU**

11

14

16

18

②

SPM

TAMBAH LAPISAN

GED 28

SEDIA ADA **BAHARU**

19

22

26

28

③

STPM/DIPLOMA

TAMBAH LAPISAN

GED 40

SEDIA ADA **BAHARU**

29

32

38

40

SENARAI 12 SKIM PERKHIDMATAN **KELAYAKAN PMR**



•11

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	GRED SEDIA ADA	GRED BAHARU
1	Pemandu/Operator Jentera Pemungkah	H11, H14, H16	H11, H14, H16, H18
2	Operator Loji	H11, H14	H11, H14, H16, H18
3	Pembantu Awam	H11, H14	H11, H14, H16, H18
4	Pemandu Kenderaan	H11, H14	H11, H14, H16, H18
5	Pengawal Keselamatan	KP11, KP14	KP11, KP14, KP16, KP18
6	Bentara Parlimen	N11, N14	N11, N14, N16, N18
7	Penghantar Notis	N11, N14	N11, N14, N16, N18
8	Pembantu Operasi	N11, N14	N11, N14, N16, N18
9	Penolong Operator Kamera	N11, N14	- Dijumudkan -
10	Pembantu Perawatan Kesihatan	U11, U14, U16	U11, U14, U16, U18

*Dua (2) Skim Perkhidmatan Kelayakan PMR adalah Skim Perkhidmatan di bawah klasifikasi perkhidmatan Polis.

SENARAI 66 SKIM PERKHIDMATAN **KELAYAKAN SPM**



BIL	SKIM PERKHIDMATAN	GRED SEDIA ADA	GRED BAHARU
21	Pembantu Keselamatan	KP17, KP22, KP26	KP19, KP22, KP26, KP28
22	Pembantu Pertahanan Awam	KP17, KP22, KP26	KP19, KP22, KP26, KP28
23	Pembantu Pendaftaran	KP17, KP22, KP26	KP19, KP22, KP26, KP28
24	Pegawai Imigresen	KP17, KP22, KP26	KP19, KP22, KP26, KP28
25	Pegawai Perhubungan Preman	KP19, KP22	- Dimansuhkan -
26	Pegawai Bomba	KB17, KB22, KB24, KB26	KB19, KB22, KB24, KB26, KB28
27	Pegawai Penjara	KX17, KX20, KX22, KX24, KX26	KA19, KA20, KA22, KA24, KA26, KA28
28	Pembantu Tadbir (Undang-undang)	L17, L22, L26	L19, L22, L26, L28
29	Pembantu Syariah	LS17, LS22, LS26	LS19, LS22, LS26, LS28
30	Jurubahasa*	L17, L22, L26	LA19, LA22, LA26

Nota: (*) – Dijadikan Skim Perkhidmatan Bersepadu

SENARAI 63 SKIM PERKHIDMATAN **KELAYAKAN STPM/DIPLOMA**



BIL	SKIM PERKHIDMATAN	GRED SEDIA ADA	GRED BAHARU
21	Penolong Arkitek Landskap	JA29, JA36, JA38	JA29, JA36, JA38, JA40
22	Penolong Juruukur Bahan	JA29, JA36, JA38	JA29, JA36, JA38, JA40
23	Penolong Juruukur	JA29, JA36, JA38	JA29, JA36, JA38, JA40
24	Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa	JA29, JA36, JA38	JA29, JA36, JA38, JA40
25	Penolong Juruukur Bangunan	J29, J36, J38	J29, J36, J38, J40
26	Penolong Pemeriksa Kilang dan Jentera	J29, J36, J38	JA29, JA36, JA38, JA40
27	Penolong Penguasa Bomba	KB29, KB32, KB38	KB29, KB32, KB38, KB40
28	Penolong Pegawai Keselamatan	KP27, KP32, KP38	KP29 , KP32, KP38, KP40
29	Penolong Pegawai Pertahanan Awam	KP27, KP32, KP38	KP29 , KP32, KP38, KP40
30	Penolong Penguasa Penjara	KX27, KX32, KX38	KA29 , KA32, KA38, KA40

KENAIKAN PANGKAT DAN PEMANGKUAN

KENAIKAN PANGKAT



Adalah Peningkatan Secara Hakiki Dari Suatu Gred Ke Suatu Gred Yang Lebih Tinggi Dalam Skim Perkhidmatan Pegawai Berkenaan.

PEMANGKUAN



ialah Di Mana Kelulusan Diberi Kepada Seseorang Pegawai Untuk Menjalankan Tugas-tugas Yang Berkaitan Dengan Suatu Jawatan, Yang Lebih Tinggi Grednya Daripada Gred Hakiknya Dalam Skim Perkhidmatan Yang Berkaitan Bagi Pegawai Yang Berkenaan Secara Sepenuh Masa Samada Dengan Tujuan Kenaikan Pangkat Atau Sebaliknya.

SYARAT PEMANGKUAN

1 DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN

2 DIPERAKU OLEH KETUA JABATAN / KETUA PERKHIDMATAN

3 LULUS TAPISAN KEUTUHAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (SPRM)

4 BEBAS DARIPADA HUKUMAN TATATERTIB

5 MENCAPAI TAHAP PRESTASI YANG DITETAPKAN

6 TELAH MENGISYTIHARKAN HARTA

7 BEBAS DARIPADA DISENARAIKAN SEBAGAI PEMINJAM PENDIDIKAN TEGAR DARIPADA INSTITUSI PINJAMAN PENDIDIKAN

8 SYARAT-SYARAT LAIN YANG DITETAPKAN OLEH LEMBAGA

URUSAN PEMANGKUAN

TARIKH KUAT KUASA

- Tarikh pegawai melaporkan diri
- Tarikh lain yang ditentukan oleh Lembaga dengan syarat terdapat kekosongan jawatan

PENANGGUHAN

- Tidak melebihi empat belas (14) hari berturut-turut termasuk cuti mingguan dan kelepasan am
- Pegawai dibenar menangguhkan tarikh melaporkan diri, tarikh kuat kuasa pemangkuannya adalah kekal
- Elaun pemangkuan hanya layak dibayar mulai tarikh pegawai menjalankan tugas yang dipangku secara sepenuh masa.

PERUBAHAN TARIKH KUAT KUASA

- Tempoh penangguhannya melebihi empat belas (14) hari, tarikh kuat kuasa pemangkuan pegawai adalah mulai tarikh pegawai kembali melaporkan diri dan melaksanakan tugas sepenuh masa

TARIKH KUAT KUASA KEKAL

- Tarikh kuat kuasa pemangkuan tidak berubah dalam keadaan pegawai diluluskan cuti seperti berikut:
 - (a) cuti haji;
 - (b) cuti belajar bergaji penuh, cuti belajar separuh gaji atau cuti belajar tanpa gaji; dan
 - (c) cuti bersalin

ELAUN PEMANGKUAN


LAYAK DIBAYAR

- **Memangku selama 28 hari berturut-turut** termasuk hari cuti mingguan dan kelepasan am
- Boleh mengambil cuti rehat atau cuti sakit secara terkumpul yang **tidak melebihi daripada 5 hari** bekerja bagi tempoh 28 hari pertama
- Menghadiri kursus yang diarah oleh Kerajaan;
- Meninggalkan jawatan untuk menjalankan tugas rasmi lain atas arahan Kerajaan
- Bercuti sakit yang disokong oleh sijil sakit dengan syarat tempoh tersebut tidak melebihi sembilan puluh dua (92) hari berturut-turut termasuk hari kelepasan am.

- Telah memangku sesuatu jawatan bagi tempoh yang disyaratkan dan kemudian **meninggalkan jawatan yang dipangkunya selama dua puluh lapan (28) hari** atau lebih berturut-turut, termasuk hari kelepasan am

TIDAK LAYAK DIBAYAR

PEGAWAI YANG DILULUSKAN PEMANGKUAN



Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan Adalah Bertanggungjawab Mengeluarkan Surat Arahan Pemangkuan Dan Penempatan Kepada Pegawai Yang Telah Diluluskan Pemangkuan Untuk Ditempatkan Di Jawatan Kenaikan Pangkat Yang Kosong.



Bagi Pegawai Yang **Tidak Berjaya** Dalam Urusan Pemangkuan, Pemberitahuan Juga Akan Dimaklumkan Kepada Pegawai Yang Berkenaan Oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

CALON SIMPANAN

Sekiranya Terdapat Kekosongan Jawatan Disebabkan Pegawai Menolak Tawaran Pemangkuan, Pertambahan Jawatan Atau Atas Apa-apa Sebab Lain, Pengisian Kekosongan Jawatan Tersebut Boleh Dibuat Dari Senarai Calon Simpanan Seperti Yang Telah Diluluskan Oleh Lembaga.

Tempoh Sah Laku Calon Simpanan Tersebut ialah **Enam (6) Bulan** Dari Tarikh Mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat.

PEGAWAI YANG MENOLAK PEMANGKUAN



Lembaga Boleh mengenakan Penalti Kepada Pegawai Yang Menolak Tawaran Pemangkuan Dengan **Tidak Menimbangkan Pemangkuan Pegawai Tersebut Bagi Tempoh Enam (6) Bulan** Dari Tarikh Surat Penolakan/Tarikh Melaporkan Diri Yang Ditetapkan Atau Satu Urusan, Yang Mana Terkemudian.

TARIKH KENAIKAN PANGKAT

Tarikh kenaikan pangkat seseorang pegawai ialah tarikh yang ditentukan oleh Lembaga yang berkenaan berdasarkan kaedah berikut:

Tarikh kenaikan pangkat ke gred tidak boleh lebih awal daripada tarikh kekosongan jawatan atau tarikh pegawai itu layak dinaikkan pangkat mengikut skim perkhidmatannya, yang mana terkemudian. Walau bagaimanapun, tarikh tersebut hendaklah tidak lebih awal dari tarikh kenaikan pangkat terakhir bagi gred yang sama dalam urusan sebelumnya;

Bagi kenaikan pangkat ke jawatan (Kumpulan Pengurusan Tertinggi), tarikh kenaikan pangkat tidak boleh lebih awal dari tarikh pegawai diluluskan memangku jawatan tersebut

Lembaga boleh menetapkan tarikh kenaikan pangkat pegawai semasa pegawai dalam tempoh bercuti sekiranya Lembaga berpendapat pegawai adalah layak dan sesuai dinaikkan pangkat pada tarikh tersebut

Bagi pegawai yang gagal dinaikkan pangkat dan dilanjutkan pemangkuannya, tarikh kenaikan pangkat pegawai dalam satu urusan kenaikan pangkat yang lain hendaklah tidak lebih awal daripada tarikh pemangkuan yang dilanjutkan.

PEGAWAI YANG GAGAL DINAIKKAN PANGKAT



Pegawai Yang Sedang Memangku Tetapi Gagal Dinaikkan Pangkat, Lembaga Boleh Meluluskan Untuk Meneruskan Pemangkuan Atau Menamatkan Pemangkuannya Berdasarkan Perakuan Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan.

KUASA MELULUSKAN KENAIKAN PANGKAT DAN PEMANGKUAN



Diluluskan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat berdasarkan Jadual keanggotaan Kenaikan Pangkat Mengikut Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam, 1986 [P.U(A) 151] dan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran 1974.

URUSETIA LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT

1

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)

- Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 44 ke atas
- Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam bagi Kumpulan Sokongan Gunasama yang terletak di bawah kawalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
- Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 44 ke atas

2

PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA (KPKK)

- Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam (Perkhidmatan Bukan Gunasama) bagi Kumpulan Sokongan I - Gred 18 hingga 40.
- Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam (Perkhidmatan Bukan Gunasama) bagi Kumpulan Sokongan II - Gred 2 hingga 16.

PERKARA YANG DIPERTIMBANGKAN UNTUK KENAIKAN PANGKAT

LAPORAN
TATATERTIB

LNPT BAGI 3
TAHUN
BERTURUT-
TURUT

LAPORAN
PERISYTIHARAN
HARTA

TAPISAN
KEUTUHAN
SPRM



PERAKUAN
KETUA JABATAN

PINJAMAN
PENDIDIKAN

LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT)

KEKANANAN PEGAWAI

Jika terdapat dua atau lebih pegawai yang diputuskan sama dari segi merit, Lembaga hendaklah mengambil kira kelayakan akademik atau pengalaman kerja yang berkaitan dengan jawatan kenaikan pangkat di samping kekananan pegawai dalam memberi pertimbangan pemangkuan seseorang pegawai.



KENAIKAN PANGKAT SECARA TIME-BASED BERASASKAN KECEMERLANGAN BAGI PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA



- PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 10 TAHUN 2017 -

TUJUAN:-

📖 Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan menjelaskan mengenai pelaksanaan dasar kenaikan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan bagi pegawai Kumpulan Pelaksana untuk kali pertama dan kedua.

LATAR BELAKANG:-

📖 Kerajaan telah memperkenalkan kaedah kenaikan pangkat secara *time-based* bagi pegawai Kumpulan Pelaksana mulai tahun 2009 dengan tujuan untuk memberi peluang kenaikan pangkat kepada pegawai yang mencapai tahap kecemerlangan prestasi tanpa terikat dengan kekosongan jawatan hakiki.

PELAKSANAAN *TIME-BASED* KALI PERTAMA (TBK1):-

- 📖 Kerajaan pada 01/07/2009 telah memutuskan pelaksanaan kenaikan pangkat secara *time-based* bagi pegawai Kumpulan Pelaksana yang berada di gred lantikan 15 tahun dan lebih dalam skim perkhidmatan semasa secara Khas Untuk Penyandang (KUP).
- 📖 Seterusnya pada 01/07/2013, Kerajaan telah menambah baik kaedah kenaikan pangkat ini berdasarkan kepada prinsip *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan dan tempoh dipendekkan daripada 15 tahun kepada 13 tahun

PELAKSANAAN *TIME-BASED* KALI KEDUA (TBK2):-

📖 Bagi memberi peluang kemajuan kerjaya yang lebih baik kepada pegawai dalam Kumpulan Pelaksana, Kerajaan telah bersetuju supaya pelaksanaan kenaikan pangkat ini dipanjangkan kepada pegawai yang berada 13 tahun atau lebih di lapisan pertama gred kenaikan pangkat untuk dinaikkan pangkat secara KUP ke **lapisan kedua gred kenaikan pangkat** berdasarkan time-based berasaskan kecemerlangan berkuat kuasa mulai **01/01/2018**.

PELAKSANAAN *TIME-BASED* KALI KEDUA (TBK2):-

📖 Laluan kenaikan pangkat secara TBK bagi Kumpulan Pelaksana adalah seperti berikut:

Gred	Perkhidmatan di Gred	Kenaikan Pangkat TBK
KP11 (Gred lantikan)	13 tahun dan tahap prestasi baik atau cemerlang	TBK1 (KP11 ke KP14)
KP14 (Lapisan pertama gred kenaikan pangkat)	13 tahun dan tahap prestasi baik atau cemerlang	TBK2 (KP14 ke KP16)

PEGAWAI YANG LAYAK:-

📖 Pegawai yang layak dipertimbangkan kenaikan pangkat secara TBK2 adalah seperti berikut:

1. Pegawai yang dilantik secara tetap;
2. Memenuhi tempoh perkhidmatan 13 tahun atau lebih di lapisan pertama kenaikan pangkat pada atau selepas 01/01/2018;
3. Pegawai dalam Skim Perkhidmatan KP yang dilantik secara terus ke gred lantikan yang setara dengan lapisan pertama gred kenaikan pangkat.
4. Pegawai yang meninggal dunia pada atau selepas 01/01/2018 dan telah berkhidmat 13 tahun ke atas di lapisan pertama gred kenaikan pangkat.

PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK :-

📖 Pegawai yang tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat TBK2 adalah seperti berikut:

1. Pegawai dalam skim perkhidmatan tertentu yang diperuntukkan tempoh time-based berbeza (contoh : Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Kumpulan Pelaksana); dan
2. Pegawai yang bersara pada atau sebelum 01/01/2018.

SYARAT KENAIKAN PANGKAT :-

Pegawai layak dipertimbangkan kenaikan pangkat oleh Lembaga Kenaikan Pangkat berkenaan tertakluk kepada syarat berikut:

Syarat Umum Kenaikan Pangkat:

- 1) Telah disahkan dalam perkhidmatan
- 2) Diperakukan oleh Ketua Jabatan
- 3) Mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa
- 4) Bebas daripada sebarang hukuman tatatertib
- 5) Lulus Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia; dan
- 6) Bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam Pendidikan tegar dari institusi pinjaman pendidikan.



PENYELIAAN DAN PANGKAT

- Pegawai yang dinaikkan pangkat secara TBK1 dan TBK2 masih tertakluk kepada penyeliaan pegawai yang mengisi jawatan kenaikan pangkat (hakiki) berdasarkan struktur organisasi.
- Bagi perkhidmatan beruniform, Ketua Perkhidmatan, jika ada keperluan, boleh membezakan tanda pangkat pegawai mengikut kesesuaian antara pegawai yang dinaikkan pangkat secara TBK dan yang mengisi jawatan kenaikan pangkat (hakiki).



PENEMPATAN DAN PERTUKARAN

- Pegawai yang dinaikkan pangkat secara TBK1 atau TBK2 boleh diarah oleh Ketua Perkhidmatan untuk mengisi jawatan di gred kenaikan pangkat secara hakiki.





SKOP TUGAS TAMBAHAN

- Selaras dengan laluan kenaikan pangkat TBK, Ketua Jabatan hendaklah menyediakan skop tugas tambahan yang bersesuaian dengan gred dan skim perkhidmatan pegawai bagi memastikan pegawai yang dinaikkan pangkat secara TBK melaksanakan tugas tambahan bersesuaian dengan gred kenaikan pangkat yang diperolehi.



PEMBATALAN

- Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2017, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2013 – Kenaikan Pangkat Secara Time-Based Berasaskan Kecemerlangan Bagi Pegawai Kumpulan Pelaksana Yang Berada Di Gred Lantikan adalah **dibatalkan**.
- Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2017 ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018.

AKUAN SUMPAH BEBAS JENAYAH

“AKUAN SUMPAH BEBAS JENAYAH
DIPERKENALKAN BAGI **MENGGANTIKAN**
SYARAT TAPISAN KESELAMATAN BAGI
URUSAN KENAIKAN PANGKAT SKIM
KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM
(KP) PEJABAT KPKK”


PEMAKLUMAN : PENGUATKUASAAN AKUAN SUMPAAH BEBAS JENAYAH

- “Berdasarkan Mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam (LKPPA) Perkhidmatan Bukan Gunasama, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (KPKK) yang bersidang pada 30 Mei 2018 (Kumpulan Pelaksana II) dan pada 8 Jun 2018 (Kumpulan Pelaksana I) telah **bersetuju memutuskan bahawa syarat lulus Tapisan Keselamatan tidak lagi dijadikan sebagai syarat tambahan bagi urusan kenaikan pangkat untuk Skim Perkhidmatan Keselamatan dan Pertahanan Awam (KP) dan pelaksanaan ini berkuat kuasa serta merta!**”
- Akuan Sumpah ini diperkenalkan bagi menyelesaikan masalah kelewatan dalam urusan kenaikan pangkat yang disebabkan oleh syarat Lulus Tapisan Keselamatan.
- Pejabat KPKK selaku Ketua Perkhidmatan bagi Skim Perkhidmatan KP, telah menetapkan bahawa **pemohon perlu mengemukakan Borang Akuan Sumpah Bebas Jenayah** bagi memastikan calon bebas dari sebarang rekod jenayah dan kes sivil di mahkamah bagi membolehkan urusan kenaikan pangkat dilaksanakan.

PEMAKLUMAN : PENGUATKUASAAN AKUAN SUMPAAH BEBAS JENAYAH

- **Surat Edaran Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Ruj. KPKK(S)500-2/11/1/1 Jld. 3 (10) bertarikh 12 Jun 2018 mengenai Pemakluman Mengenai Syarat Tambahan Kenaikan Pangkat Bagi Skim Perkhidmatan Keselamatan Dan Pertahanan Awam (KP) Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia**

BORANG AKUAN SUMPAH BEBAS JENAYAH



KPKK 01/2018

AKUAN SUMPAH BEBAS JENAYAH

Saya.....
(No. Kad Pengenalan:) yang beralamat di.....

dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengakui bahawa saya:

- (i) tidak mempunyai apa-apa rekod jenayah;
- (ii) tidak pernah disabitkan dengan apa-apa kes jenayah;
- (iii) tidak pernah ditahan di bawah Peraturan-Peraturan Darurat atau mana-mana undang-undang pencegahan;
- (iv) bebas dari kes tatatertib / SPRM / Surcaj / Mahkamah;
- (v) tidak pernah dikenakan hukuman tatatertib / SPRM / Surcaj / Mahkamah.

2. Saya membuat akuan ini dengan sepenuh kepercayaan bahawa akuan ini benar serta mengikut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sesungguhnya diakui oleh yang tersebut namanya di atas iaitu:

(Nama))
di (alamat))
.....) Di hadapan saya,
.....)
di Negeri)
padahari bulan.....tahun.....)

*Pegawai Sumber Manusia/Pegawai Integriti
Kementerian/Jabatan/Agensi

**PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT SECARA TIME-BASED BERASASKAN
KECEMERLANGAN BOLEH DIKEMUKAKAN SETELAH MENGAMBIL KIRA SYARAT-SYARAT
BERIKUT:-**

- 1. MEMILIH KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN SEBAGAI KETUA PERKHIDMATAN;**
- 2. GENAP 13 TAHUN ATAU LEBIH TEMPOH PERKHIDMATAN DI GRED LANTIKAN ATAU DI GRED LAPISAN PERTAMA KENAIKAN PANGKAT;**
- 3. MEMPEROLEH SEKURANG-KURANGNYA 80% BAGI MARKAH WAJARAN LNPT TIGA (3) TAHUN TERKINI (2015, 2016 DAN 2017);**
- 4. TELAH MENGISYTIHARKAN HARTA BERDASARKAN PERATURAN YANG SEDANG BERKUATKUASA (DALAM TEMPOH 5 TAHUN);**
- 5. LULUS TAPISAN KEUTUHAN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM);**
- 6. BEBAS DARIPADA SENARAI PEMINJAM PENDIDIKAN TEGAR;**
- 7. BEBAS DARIPADA TINDAKAN TATATERTIB;**
- 8. DIPERAKUKAN KETUA JABATAN; DAN**
- 9. MENGEMUKAKAN BORANG AKUAN BEBAS JENAYAH KPKK01/2018 YANG TELAH LENGKAP DIISI.**

ISU-ISU BERBANGKIT DALAM URUSAN PELAKSANAAN PEMANGKUAN DAN KENAIKAN PANGKAT



IKLAN PEMANGKUAN/KENAIKAN PANGKAT TIDAK DISAMPAIKAN KEPADA PEGAWAI SECARA MENYELURUH

Pegawai tidak dimaklumkan berkenaan dengan urusan pemangkuan / kenaikan pangkat (masalah sistem penyampaian maklumat);

Tiada kesedaran (awareness) di kalangan pegawai terhadap penyampaian maklumat daripada Pejabat KPKK (melalui surat edaran, laman web dan emel);



KELEWATAN MENYELESAIKAN URUSAN PEMANGKUAN DAN KENAIKAN PANGKAT

SEBAB-SEBAB BERLAKU KELEWATAN :

- (i) Kelewatan mendapat input daripada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
- (ii) Kelewatan Urus Setia Kenaikan Pangkat di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Kementerian / Jabatan) dan Pejabat KPKK
- (iii) Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
- (iv) Kelewatan Kelulusan Tapisan Keselamatan Pejabat KPKK

ISU-ISU BERBANGKIT DALAM URUSAN PELAKSANAAN PEMANGKUAN DAN KENAIKAN PANGKAT



Pemangkuan/kenaikan pangkat bukanlah satu hak, tetapi ianya adalah satu kemudahan yang diperuntukkan kepada pegawai yang telah mempamerkan prestasi kerja yang tinggi dan cemerlang di samping memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan



TERIMA KASIH



SESI SOAL JAWAB

